

**NO SOALAN :92****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 26.07.2017**

**Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kutipan GST setakat soalan ini dan di manakah ia dibelanjakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tahun 2015 dan 2016 masing-masing adalah sebanyak RM27.012 bilion dan RM41.206 bilion. Manakala bagi tahun 2017, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak RM19.311 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kutipan hasil cukai GST

dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan semua cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi membiayai aktiviti pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat seperti menambahbaik kemudahan infrastruktur jalan raya, kesihatan dan pendidikan yang tentunya dapat terus menyokong pembangunan ekonomi yang mapan.

**SOALAN NO.: 93**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU**  
**KAWASAN : SARIKEI**  
**TARIKH : 26 JULAI 2017, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG LING BIU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa berapa peratus projek lebuh raya Pan Borneo dari Sg. Awik ke Simpang Bintangor telah dikontrak oleh kontraktor-kontraktor tempatan Sarawak. Adakah kontraktor-kontraktor tempatan mendapat manfaat dari projek lebuh raya Pan Borneo.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak bagi pakej yang dimaksudkan ialah Work Package Contract (WPC) No. 6 - Jajaran Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor sepanjang 64 km. Pakej ini telah dianugerahkan kepada satu syarikat usaha sama iaitu PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd - Bina Puri Holding Bhd JV. PPES Works (Sarawak) Sdn Bhd sebagai kontraktor tempatan memegang 70% ekuiti, manakala Bina Buri Holding Bhd memegang baki 30% ekuiti dalam syarikat usaha sama tersebut.

Penganugerahan kontrak kepada syarikat usahasama ini selaras dengan polisi perolehan yang ditetapkan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Tender Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu hanya syarikat kontraktor warga Sarawak atau pegangan ekuiti majoriti warga Sarawak yang memenuhi kriteria teknikal, kewangan dan berpengalaman dilantik sebagai Work Package Contractor (WPC) bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan pegangan ekuiti minimum sebanyak 70%. Manakala, bagi kerja-kerja sub-kontrak hanya sub-kontraktor tempatan sahaja boleh dilantik.

Polisi yang ditetapkan ini membolehkan kontraktor-kontraktor tempatan Sarawak yang berkelayakan diberi keutamaan seterusnya menerima manfaat secara langsung daripada pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO.: 95**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**  
**KAWASAN : KOTA KINABALU**  
**TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini pembinaan Pan Borneo di Sabah. Berikan jumlah wang yang dibelanjakan, nama kontraktor serta nama projek berkenaan Pan Borneo**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk Negeri Sabah, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis. Bagi pelaksanaan Fasa 1, jarak keseluruhan jalan adalah 706 km. Manakala bagi Fasa 2 dan 3 projek, jarak keseluruhan jalan masih dalam peringkat penelitian.

Sehingga bulan Jun 2017, sebanyak 5 pakej daripada keseluruhan 35 pakej bagi Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah telah memulakan kerja-kerja pembinaan. Status kemajuan fizikal bagi 5 pakej tersebut sehingga bulan Jun 2017 adalah seperti berikut:

- (a) Pakej dari Donggongon ke Papar (11.7km); Kemajuan semasa adalah 22.34% (sebenar) berbanding 35.11% (jadual);
- (b) Pakej dari Tawau ke Semporna (5.0km); Kemajuan semasa adalah 30.20% (sebenar) berbanding 39.67% (jadual);
- (c) Pakej Lahad Datu Bypass (7.0km); Kemajuan semasa adalah 7.23% (sebenar) berbanding 14.84% (jadual);
- (d) Pakej dari Sindumin ke Kg. Melalia (28.4km); dan
- (e) Pakej dari Kg. Lot M ke Sandakan Mile 32 (18.0km) masih lagi dalam kerja-kerja pra-pembinaan.

Untuk makluman, peruntukan bagi kos pembinaan yang telah diluluskan untuk pelaksanaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah sebanyak RM 12.86 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM 39 juta telah dibayar** kepada kontraktor yang terlibat.

Sekian, terima kasih.